

**SOALAN NO.: 453**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE**  
**KAWASAN : GOPENG**

**SOALAN:**

**YB. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan rancangan untuk jalan baru di antara Bandar Kampar dan Lebuhraya Utara-Selatan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan membina persimpangan bertingkat dan jalan yang baharu dari Lebuhraya PLUS ke Kampar, Perak tidak termasuk dalam skop perjanjian konsesi PLUS. Pada masa kini pengguna masih boleh menggunakan akses PLUS di persimpangan bertingkat Tapah (exit 132) dan persimpangan bertingkat Gopeng (exit 135) untuk ke destinasi Kampar, iaitu mengambil masa lebih kurang 30 minit perjalanan, tertakluk kepada situasi trafik semasa.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 457 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan setakat manakah perlaksanaan Pelan Induk Rancangan Tempatan 2020 Ipoh.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia sedang dalam proses menyediakan Laporan Pemantauan Rancangan Tempatan Ipoh 2020. Kajian telah dimulakan pada bulan Februari 2015 dan akan siap pada bulan Jun 2015. Skop kajian ialah untuk melihat kemajuan pelaksanaan projek pembangunan sejajar dengan kandungan Rancangan Tempatan Ipoh oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) melalui permohonan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh MBI melalui Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

Hasil analisa/penemuan awalan sepanjang tahun 2013 dan 2014, jumlah permohonan Kebenaran Merancang yang diterima/diproses adalah sebanyak 313 permohonan di mana sebanyak 256 permohonan telah diluluskan, 46 permohonan ditolak kerana tidak selari dengan kandungan

Rancangan Tempatan dan 11 permohonan ditangguh. Jumlah permohonan Kebenaran Merancang yang diambil kira dalam kajian ini hanya melibatkan pelan susunatur/pembinaan bangunan (kediaman, komersial, industri).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015